



# FAQ KOLEJ POLY-TECH MARA

## HAL EHWAL AKADEMIK

FAQ ini diterbitkan bagi membantu pelajar dalam memahami perkara-perkara asas berkaitan Hal Ehwal Akademik KPTM Alor Setar.

### PENAWARAN DIPLOMA & SYARAT KEMASUKAN

#### *Soalan*

Apakah program diploma yang ditawarkan di KPTM Alor Setar?

#### *Jawapan*

KPTM Alor Setar menawarkan LIMA (5) program peringkat Diploma iaitu Diploma in Computer System & Networking, Diploma in Business Management, Diploma in Accounting, Diploma in Office Management dan Diploma in Tourism Management.

### PENGIFTIRAFAN PROGRAM DIPLOMA OLEH KERAJAAN

#### *Soalan*

Adakah program diploma KPTM Alor Setar diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia?

#### *Jawapan*

Ya. Semua program diploma yang ditawarkan oleh KPTM Alor Setar mendapat kelulusan kendalian daripada Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Program diploma KPTM Alor Setar juga mendapat kelulusan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk ditawarkan kepada lepasan SPM.

### ***Soalan***

Apakah kelebihan program diploma yang mendapat pengiktirafan kerajaan?

### ***Jawapan***

Semua program diploma yang ditawarkan di KPTM Alor Setar mendapat pengiktirafan kerajaan. Ianya memudahkan pihak kolej untuk meningkatkan perkhidmatan kepada pelajar. Ini termasuklah urusan berkaitan pembiayaan pengajian, penempatan latihan industri, graduasi, pemindahan kredit untuk menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda, permohonan pekerjaan dan lain-lain.

## **TEMPOH PENGAJIAN**

### ***Soalan***

Berapa lamakah tempoh pengajian di KPTM Alor Setar?

### ***Jawapan***

Tempoh pengajian di KPTM Alor Setar adalah selama 2 tahun 4 bulan (minima) di mana pelajar akan melalui sesi pengajian dalam 5 semester panjang dan 2 semester pendek.

### ***Soalan***

Berapakah tempoh pengajian dalam satu-satu semester pengajian?

### ***Jawapan***

Tempoh pengajian dalam semester panjang adalah selama 17 minggu (14 minggu pengajian, 1 minggu ulangkaji dan 2 minggu peperiksaan akhir). Tempoh pengajian dalam semester pendek pula adalah selama 9 minggu (7 minggu pengajian, 1 minggu ulangkaji dan 1 minggu peperiksaan). Terdapat TIGA (3) semester pengajian dalam setahun iaitu:

Semester April : Semester Pendek (9 minggu)

Semester Julai : Semester Panjang (17 minggu)

Semester November : Semester Panjang (17 minggu)

## **SESI KULIAH & PENILAIAN**

### ***Soalan***

Bilakah masa kuliah bermula?

### ***Jawapan***

Sesi kuliah dijalankan mulai pukul 8.30 pagi sehingga 5.30 petang (tertakluk kepada pindaan). Ianya bergantung kepada jadual kuliah yang diikuti oleh pelajar berdasarkan program yang diikuti. Bagi sesi pengajian Julai 2020 ini, terdapat DUA (2) mod pengajian yang ditawarkan kepada pelajar baharu iaitu Mod Atas Talian dan Mod Bersemuka. Pelajar boleh memilih mana-mana satu mod tersebut semasa membuat pendaftaran secara atas talian. Pelajar perlu mengikuti masa kuliah yang tertera di dalam edaran Jadual Kuliah.

### ***Soalan***

Bagaimanakah pelajar memperolehi Jadual Kuliah?

### ***Jawapan***

Jadual Kuliah diedarkan kepada pelajar melalui pelbagai saluran hebahan. Antaranya menerusi laman sesawang kolej ([astar.kptm.edu.my](http://astar.kptm.edu.my)), papan notis Hal Ehwal Akademik, mentor pelajar, koordinator program dan beberapa saluran media sosial seperti Facebook, WhatsApp dan Instagram. Jadual kuliah bagi mod atas talian dan mod bersemuka telah diseragamkan dan pelajar boleh mendapatkannya melalui saluran yang disebut di atas.

**Soalan**

Bagaimanakah proses pembelajaran dan penilaian dijalankan?

**Jawapan**

Pelajar akan menjalani proses pembelajaran secara bersemuka, atas talian dan pembelajaran makmal. Penilaian dilakukan secara berterusan melalui tugasan, kuiz, projek, pembentangan, laporan dan sebagainya. Peperiksaan akhir dijalankan pada penghujung semester bagi kursus-kursus berkaitan.

**Soalan**

Adakah menghadiri kuliah itu wajib bagi pelajar?

**Jawapan**

Ya. Semua pelajar samada yang mengambil mod bersemuka ataupun mod atas talian adalah wajib untuk hadir ketika sesi kuliah berlangsung. Pelajar dinasihatkan agar sentiasa mematuhi jadual kuliah yang ditetapkan.

**Soalan**

Apakah tindakan yang diambil jika pelajar tidak hadir ke kuliah?

**Jawapan**

KPTM Alor Setar mempunyai satu sistem pemantauan kehadiran pelajar ke kuliah. Pelajar yang mempunyai rekod ketidakhadiran tanpa sebab-sebab yang munasabah akan dikenakan beberapa tindakan seperti amaran awal, sesi kaunseling, halangan menduduki peperiksaan dan gagal kursus-kursus terbabit.

***Soalan***

Bagaimanakah sesi kuliah dijalankan?

***Jawapan***

Bagi pelajar yang memilih mod bersemuka, sesi kuliah akan dijalankan secara konvensional iaitu pensyarah dan pelajar akan berada di dalam bilik kuliah atau makmal yang sama di mana interaksi secara langsung akan berlaku sepanjang sesi tersebut. Bagi pelajar mod atas talian pula, pensyarah akan menggunakan kaedah pengajaran melalui media berteknologi di mana penggunaan internet adalah diperlukan di dalam pengendalian kuliah secara atas talian ini. Pensyarah boleh memilih untuk berinteraksi secara terus dengan pelajar atau memuatnaik bahan-bahan berekod seperti video, slaid dan sebagainya. Pelajar juga boleh mendapatkan bahan-bahan pembelajaran tersebut pada masa yang bersesuaian dengan pelajar khususnya kepada pelajar yang mengalami gangguan talian internet untuk berinteraksi secara langsung dengan pensyarah.

***Soalan***

Adakah KPTM Alor Setar mempunyai Sistem Pembelajaran Online sendiri?

***Jawapan***

Ya. KPTM Alor Setar menggunakan KPTM Online Learning System (OLeS) dalam mengendalikan sesi PdP. Pelajar boleh mendapatkan bahan-bahan pembelajaran daripada sistem tersebut yang telah dimuatnaik oleh pensyarah kursus. Selain itu, pelajar juga boleh berinteraksi dengan pensyarah melalui ruang Forum yang disediakan di dalam OLeS. Penggunaan OLeS adalah wajib bagi semua pelajar di KPTM Alor Setar.

### ***Soalan***

Berapakah kapasiti pelajar dalam sesebuah bilik kuliah?

### ***Jawapan***

Secara umumnya, kapasiti bagi sesebuah bilik kuliah adalah seramai maksima 30 pelajar. Berikutan arahan Peraturan Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang berkuatkuasa, pengurusan KPTM Alor Setar telah mengurangkan kapasiti sebanyak 50% iaitu seramai 15 pelajar untuk satu bilik kuliah dengan amalan penjarakkan sosial di sekitar bangunan kolej.

## **PENEMPATAN PELAJAR**

### ***Soalan***

Adakah penginapan asrama disediakan kepada pelajar?

### ***Jawapan***

Ya. Asrama disediakan kepada semua pelajar siswa dan siswi. Pelajar siswa ditempatkan di Asrama Taman Rakyat sementara pelajar siswa ditempatkan di Asrama Permodalan. Pengangkutan (bas) disediakan bagi memudahkan perjalanan pelajar dari asrama ke kolej.

### ***Soalan***

Siapakah yang memantau kebajikan pelajar di asrama?

### ***Jawapan***

Pengurusan KPTM Alor Setar telah melantik Penyelia Asrama Lelaki dan Wanita yang juga menetap di asrama bagi menguruskan kebajikan pelajar yang tinggal di asrama. Selain itu, pengurusan KPTM Alor Setar juga menyediakan perkhidmatan pengawal keselamatan 24 jam bagi setiap asrama. Kawasan persekitaran asrama juga dilengkapi dengan kemudahan CCTV sebagai langkah keselamatan.

***Soalan***

Adakah terdapat ruang pembelajaran di asrama?

***Jawapan***

Setiap unit asrama dilengkapi dengan ruang atau sudut pembelajaran bagi memudahkan pelajar mengulangkaji pelajaran ataupun membuat tugas.

***Soalan***

Adakah kemudahan Wifi disediakan?

***Jawapan***

Ya. Kemudahan Wifi disediakan kepada semua pelajar di asrama. Pelajar hanya perlu mengakses dengan memasukkan ID dan kata laluan yang diberikan oleh Jabatan Teknologi Maklumat (JTM).

## **MAKLUMAT UMUM PENSYARAH**

***Soalan***

Adakah pensyarah KPTM Alor Setar terlatih?

***Jawapan***

KPTM Alor Setar mempunyai pensyarah-pensyarah yang terlatih dan berpengalaman dalam bidang kepakaran masing-masing. Pensyarah-pensyarah ini juga mendapat kelulusan mengajar daripada Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT).

**Soalan**

Apakah kelulusan pensyarah KPTM Alor Setar?

**Jawapan**

Lebih 60% pensyarah KPTM Alor Setar memiliki kelulusan peringkat Sarjana (Masters) dalam bidang kepakaran masing-masing. Terdapat juga pensyarah yang mempunyai pengalaman industri dalam bidang berkaitan. Kelulusan akademik dan pengalaman industri yang dimiliki oleh pensyarah-pensyarah KPTM Alor Setar sangat membantu dalam pengendalian sesi Pembelajaran dan Pengajaran. Ianya memberi kelebihan kepada para pelajar ketika proses pembelajaran dijalankan.

**Soalan**

Adakah pensyarah memberi bimbingan kepada pelajar?

**Jawapan**

KPTM Alor Setar mempunyai satu sistem bimbingan kepada pelajar yang dikenali sebagai **Sistem Mentor-Mentee**. Semua pelajar akan diberikan seorang Mentor sebagai individu dalam kalangan pensyarah yang berupaya untuk memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada pelajar dalam mengharungi cabaran sepanjang tempoh pengajian. Bimbingan ini termasuklah urusan-urusan yang melibatkan akademik, sahsiah, disiplin, pembangunan kerjaya, pengurusan kewangan, peningkatan dan pemulihian prestasi akademik dan sebagainya lagi.

**Soalan**

Adakah pelajar dapat berjumpa dan berhubung dengan pensyarah secara kerap?

**Jawapan**

Pelajar dapat berhubung dan berjumpa dengan pensyarah secara kerap berikutan lokasi bilik pensyarah yang berdekatan dengan bilik kuliah dan bangunan di mana pelajar mengikuti pengajian. Pelajar juga boleh berhubung dengan pensyarah melalui saluran-saluran media sosial sedia ada.

## **LATIHAN INDUSTRI**

### ***Soalan***

Adakah Latihan Industri ditawarkan di KPTM Alor Setar?

### ***Jawapan***

Ya. Semua program diploma di KPTM Alor Setar menawarkan kursus Latihan Industri pada semester akhir pengajian (sem 7) iaitu selama 4 bulan. Kursus ini memberi kelebihan kepada pelajar dalam mendapatkan pendedahan dan pengalaman bersama industri dalam bidang pengajian yang diikuti.

## **HALA TUJU SELEPAS MENAMATKAN PENGAJIAN**

### ***Soalan***

Apakah laluan atau hala tuju pelajar selepas menamatkan pengajian diploma di KPTM Alor Setar?

### ***Jawapan***

Selepas menamatkan pengajian peringkat diploma di KPTM Alor Setar, pelajar bebas memilih sama ada untuk meneruskan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda ataupun memasuki bidang pekerjaan. Pelajar juga boleh memilih untuk menjadi usahawan. Dalam struktur pengajian di KPTM Alor Setar, setiap pelajar akan didedahkan dengan skil keusahawanan terutamanya keusahawaan digital.

Melalui bimbingan pensyarah, mentor dan juga kaunselor, pelajar akan diberikan gambaran jelas tentang hala tuju sebaik menamatkan pengajian diploma.

### ***Soalan***

Adakah lepasan diploma KPTM Alor Setar dapat melanjutkan pengajian ke Universiti Awam?

### ***Jawapan***

Ya. Pelajar lepasan diploma KPTM Alor Setar boleh memohon untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di mana-mana Universiti Awam seluruh Malaysia. Terdapat ramai graduan KPTM Alor Setar yang telah menyambung pengajian di Universiti Awam seperti di UUM, USM, UPM, UTM, UiTM dan lain-lain. Graduan KPTM Alor Setar juga menunjukkan prestasi yang amat cemerlang ketika menyambung pengajian di Universiti Awam. Sebagai contoh, graduan program Diploma in Information Technology, KPTM Alor Setar pada tahun 2010, Saudara Mohd Sauri Yahaya dan Saudari Hanis Salwani Othman telah menerima Anugerah Pelajaran Diraja dan Pingat Emas Canselor ketika Majlis Konvokesyen UUM kali ke-27 pada 2014 berdasarkan kecemerlangan akademik yang diperolehi mereka.

### ***Soalan***

Adakah lepasan diploma KPTM Alor Setar berpeluang melanjutkan pengajian ke luar negara?

### ***Jawapan***

Ya. KPTM Alor Setar merupakan salah sebuah Institusi Pendidikan Tinggi milik MARA yang sangat menggalakkan pelajar-pelajar untuk menyambung pengajian ke luar negara. Pelajar-pelajar yang menunjukkan prestasi cemerlang boleh memohon untuk menyambung pengajian ke mana-mana Universiti Terkemuka Luar Negara. KPTM Alor Setar juga mempunyai kerjasama strategik bersama beberapa Universiti Terkemuka luar negara seperti University of New South Wales, Australia (UNSW), Dublin Business School Ireland, University of South Australia, University of Queensland, Australia dan beberapa universiti terkemuka lain.

### ***Soalan***

Apakah jenis kerjaya yang bakal pelajar ceburi selepas menamatkan pengajian?

### ***Jawapan***

Terdapat perlbagai bentuk kerjaya yang boleh diceburi oleh pelajar. Ianya bergantung kepada bidang pengajian yang diikuti dan peluang kerjaya yang perlu direbut oleh pelajar. Laluan kerjaya pelajar boleh didapati secara di mana penerimaan majikan terhadap graduan KPTM Alor Setar adalah tinggi. Laluan kerjaya pelajar juga boleh didapati secara terperinci melalui perbincangan bersama mentor, koordinator program dan juga kaunselor kolej.

Pihak kolej juga mempunyai hubungan baik dengan industri di mana wakil-wakil industri telah dilantik sebagai panel untuk menilai program-program akademik kolej. Wakil-wakil industri ini juga dijemput untuk mengadakan perkongsian ilmu bersama para pelajar bagi mencetuskan minat dan memahami trend industri ketika ini.

## **PERKHIDMATAN SOKONGAN**

### ***Soalan***

Apakah perkhidmatan sokongan yang diberikan kepada pelajar di KPTM Alor Setar?

### ***Jawapan***

Bahagian Hal Ehwal Akademik merangkumi TIGA (3) sektor yang menyediakan perkhidmatan kepada pelajar. ***Sektor Penjadualan & Peperiksaan (SPP)*** bertanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal berkaitan edaran Jadual Kuliah, perancangan dan perlaksanaan Ujian dan Peperiksaan Akhir serta pengesahan keputusan peperiksaan dan status pelajar.

***Sektor Pendaftaran dan Rekod Statistik (SPRS)*** pula menguruskan pendaftaran pelajar, menyimpan dan mengemaskini rekod pelajar serta urusan graduasi. Pelajar juga boleh mendapatkan surat pengesahan pelajar bagi urusan-urusan tertentu.

Sektor ketiga adalah ***Sektor Sumber Akademik (SSA)*** yang bertanggungjawab memastikan kecukupan bahan-bahan rujukan pelajar sama ada berbentuk buku ataupun ‘e-book’.

***Soalan***

Apakah tanda pengenalan sebagai pelajar KPTM Alor Setar?

***Jawapan***

Setiap pelajar yang berdaftar akan diberikan satu nombor identifikasi (ID Number) di mana pelajar akan menggunakan nombor ini dari tarikh kemasukan hingga tarikh pelajar bergraduat. Pelajar yang telah mendaftar juga akan diberikan Kad Pelajar dan pelajar wajib memakai kad tersebut sepanjang masa ketika berada di bangunan kolej.

***Soalan***

Apakah sumber rujukan utama pelajar berkaitan peraturan Akademik kolej?

***Jawapan***

Sumber rujukan utama peraturan Akademik kolej boleh didapati melalui Buku Peraturan Akademik KPTM, 2017. Ianya boleh didapati di laman sesawang kolej ([astar.kptm.edu.my](http://astar.kptm.edu.my)). Melalui buku ini, pelajar dapat memahami segala peraturan berkaitan hal ehwal akademik sepanjang tempoh pengajian di kolej.

***Soalan***

Bagaimana untuk pelajar menghubungi Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) kolej?

***Jawapan***

BHEA KPTM Alor Setar dapat dihubungi di nombor talian 04-730 9255 sambungan 125. Pelajar juga boleh datang dan berurus di Pejabat HEA di Tingkat 2 KPTM Alor Setar.

-Tamat-